



GARIS PANDUAN BAGI KESEDIAAN OPERASI FASA PERALIHAN

FASILITI SUKAN LUAR (*OUTDOOR*)

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

19 November 2021

GARIS PANDUAN BAGI KESEDIAAN OPERASI FASA PERALIHAN: FASILITI SUKAN LUAR (*Outdoor*)

Dokumen ini menyediakan langkah-langkah bagi FASILITI SUKAN LUAR beroperasi semasa Fasa Peralihan dalam rangka kerja pemulihan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam. Fasa peralihan bermula pada tahap 70% perlindungan vaksinasi. **Perlaksanaan Pelan Tahap Peralihan** bagi FASILITI SUKAN LUAR akan bermula pada hari **Jumaat, 13 Rabiulakhir 1443 bersamaan 19 November 2021**, dengan syarat-syarat dan garis panduan yang dikemaskinikan seperti berikut:

1. Dibukakan kepada individu yang telah menjalani **vaksinasi penuh (2 dos)** dan ***Bruhealth code* berwarna hijau atau kuning sahaja**;
2. Fasiliti Sukan Luar **beroperasi dengan kapasiti 50% dalam satu masa tertakluk kepada kapasiti fasiliti**;
3. **Tempoh penggunaan tidak dihadkan**;
4. **Sukan berpasukan dibenarkan seperti berikut :**
 - a. Pasukan **tidak melebihi 15 orang bagi menjalani program latihan**
 - b. **Pertukaran atau pencampuran pemain** adalah dibenarkan
 - c. **Contact sports dibenarkan bagi sesi latihan sahaja** dan bukannya melibatkan latihan *sparring* dan kontak fizikal
5. **Organized sports** dan sebarang **kejohanan adalah tidak dibenarkan**;
6. **Restaurant, kafeteria atau kantin** dibenarkan untuk beroperasi pada kadar **kapasiti 50% dan perkhidmatan buffet adalah tidak dibenarkan**;
7. **Perkongsian kelengkapan** dalam kumpulan masing-masing adalah dibenarkan secara minima dan perlu disanitasi sebelum dan selepas penggunaan;

Syarat dan garis panduan lain bagi fasiliti sukan luar (*outdoor*) adalah seperti perincian di Lampiran A.

Penggunaan Fasilitas Sukan Luar hendaklah mematuhi peraturan kerajaan bagi persediaan operasi Fasa Peralihan. Langkah-langkah berikut hendaklah dilaksanakan.

1. Fasilitas Sukan Luar

a. Garis Panduan Umum

- (1) Pendaftaran dan rekod yang sewajarnya mestilah dibuat di pintu masuk bagi tujuan pengesanan kontak jika diperlukan. (Setiap Fasilitas Sukan Luar perlu mendaftar melalui aplikasi *Bruhealth* di laman sesawang www.healthinfo.gov.bn/register untuk penjanaan QR kod bagi pendaftaran penggunaan);
- (2) **Pemeriksaan suhu badan** hendaklah dilakukan dan sanitasi tangan disediakan di pintu masuk dan tempat-tempat yang bersesuaian;
- (3) Dibukakan kepada individu yang telah menjalani **vaksinasi penuh (2 dos)** dan ***Bruhealth code* berwarna hijau atau kuning sahaja**;
- (4) Fasilitas Sukan Luar **beroperasi dengan kapasiti 50% dalam satu masa tertakluk kepada kapasiti fasiliti**;
- (5) **Tempoh penggunaan tidak dihadkan**;
- (6) **Terbuka bagi sukan individu, double atau pairs, non-contact artistic sports dan sukan berpasukan**;
- (7) **Sukan berpasukan dibenarkan seperti berikut :**
 - a. Pasukan **tidak melebihi 15 orang bagi menjalani program latihan**
 - b. **Pertukaran atau pencampuran** pemain adalah dibenarkan
 - c. **Contact sports dibenarkan bagi sesi latihan sahaja** dan bukannya melibatkan kontak secara fizikal
- (8) **Organized sports** dan sebarang **kejohanan adalah tidak dibenarkan**;
- (9) **Restaurant, kafeteria atau kantin** dibenarkan untuk beroperasi pada kadar **kapasiti 50% dan perkhidmatan buffet adalah tidak dibenarkan**;
- (10) **Perkongsian kelengkapan** dalam kumpulan masing-masing adalah dibenarkan secara minima dan perlu disanitasi sebelum dan selepas penggunaan;

- (11) **Perkongsian kelengkapan** dalam kumpulan masing-masing adalah dibenarkan secara minima dan perlu disanitasi sebelum dan selepas penggunaan;
- (12) Membersihkan dan mensanitasi **peralatan Fasiliti Sukan Luar sebelum dan selepas digunakan;**
- (13) Pengguna hendaklah **membawa tuala dan botol air mereka sendiri;**
- (14) **Menjaga kebersihan diri** sepanjang masa seperti kerap mencuci tangan atau menggunakan *hand sanitizer* serta menggunakan sungkup muka bila berada dikawasan yang penuh sesak;
- (15) Kemudahan *locker room* Fasiliti Sukan Luar dibenarkan;
- (16) **Papan tanda dan poster langkah-langkah pencegahan** COVID-19 hendaklah dipaparkan;
- (17) Untuk maklumat lanjut mengenai COVID-19, orang ramai bolehlah menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148.**

b. Tempahan

- (1) Fasiliti Sukan Luar hendaklah **menyelenggara sistem tempahan dan jadual masa** bagi memastikan keselamatan kakitangan dan pengguna;
- (2) **Jumlah maksimum pengguna hendaklah ditentukan** oleh pihak Fasiliti Sukan Luar dan mestilah mengikut jumlah kapasiti sesuai dengan kapasiti ruang berkenaan dalam satu masa.

c. Peraturan Fasiliti Sukan Luar

- (1) **Restaurant, kafeteria atau kantin** dibenarkan untuk beroperasi pada kadar **kapasiti 50% dan perkhidmatan buffet adalah tidak dibenarkan;**
- (2) **Tandas hendaklah disanitasikan** setiap masa;
- (3) Pihak Fasiliti Sukan Luar hendaklah menyediakan **prosedur bagi memastikan keperluan penjarakkan sosial** dipatuhi di kawasan latihan atau senaman;

- (4) Pihak Fasilitas Sukan Luar hendaklah **menyediakan prosedur bagi memastikan Fasilitas Sukan Luar selamat untuk digunakan dan amalan pensanitasiian** dilaksanakan;
- (5) Semua **petugas Fasilitas Sukan Luar** hendaklah **memakai *face mask***;
- (6) Semua **peralatan Fasilitas Sukan Luar** hendaklah di ***disinfect*** sebelum, selepas dan di antara tempahan berikutnya;
- (7) Pengguna digalakkan untuk **membawa *disfectant sendiri*** sebagai perlindungan.

2. TANGGUNGJAWAB PENGGUNA

a. Pendaftaran

- (1) Pengguna hendaklah **mendaftar secara *advanced (pre-booking)***
- (2) Pendaftar hendaklah **mengimbas QR kod Fasilitas Sukan Luar** sebaik sahaja ketika tiba dan selesai bermain bagi tujuan untuk mengesan kontak jika diperlukan.

b. Latihan dan Senaman

- (1) Pengguna hendaklah memastikan mereka **menjaga jarak semasa aktiviti sukan**;
- (2) Memakai **sarung tangan adalah digalakkan** bagi meminimumkan sentuhan dengan permukaan;
- (3) **Memakai pakaian bersenam yang bersesuaian untuk melindungi kulit**;
- (4) Menggunakan **peralatan persendirian**;
- (5) **Membawa disinfektan sendiri** sebagai perlindungan;
- (6) Jika **menggunakan mat senaman**, bentangkan tuala di atas mat awda;